

**SEWAH RIMBA**  
Bar-bellied Cuckoo-shrike

FAMILI: Campephagidae  
NAMA SAINTIFIK: *Coracina striata*

#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung jantan; ia mempunyai warna mata putih ke putih kekuningan, warna bahagian kepala agak seragam dan terdapat jalur-jalur melintang di bahagian tongkeng yang berwarna hitam dan kelabu. Diperhatikan juga terdapat jalur-jalur melintang di bahagian bawah tongkeng yang berwarna kelabu pudar. Bagi burung betina, bahagian tongkeng, bahagian atas ekor dan bawah dada mempunyai jalur-jalur melintang yang berwarna hitam dan putih. Bagi burung juvenil pula, bahagian kepala dan badan terdapat jalur-jalur halus yang berwarna putih, kehitaman dan coklat kekelabuan manakala matanya berwarna coklat.

#### **SAIZ**

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 27.5-30 sm.

#### **MAKANAN**

Spesies ini memakan serangga-serangga kecil.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh ditemui di hutan tanah pamah, hutan paya air tawar, pinggir hutan, paya bakau dan kawasan perladangan.

#### **BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang jelas dan kuat *kliu-kliu-kliu...* atau *kriiu-kriiu*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan April-Mei pada setiap tahun. Sarang adalah berbentuk cawan yang dalam dan sarang dibina di dahan pokok dan ketinggian sarang adalah sehingga 21 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur pada setiap kali ianya bertelur.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.